



Unit 14: NEGARAKU TERCINTA

BAHASA MELAYU

TAHUN 2

NAMA:.....

Unit 14

NEGARAKU TERCINTA

Aktiviti 1

A. Baca petikan di bawah. Kemudian, tulis maklumat dalam ruangan yang disediakan.

Pada zaman dahulu Brunei dikenali dengan berbagai-bagai nama panggilan. Orang Cina mengenali Brunei dengan nama Po-ni atau Po-li. Orang India pula menamakan Brunei sebagai Kapuradvipa. Orang Jawa memanggil Brunei dengan nama Bruneng.

Sejarah awal kediaman penduduk Brunei awal ialah di kawasan tepi pantai dan tebing sungai kerana mereka memerlukan air untuk kehidupan seharian.

Penduduk yang tinggal di Kampong Ayer dipanggil sebagai Orang Brunei. Mereka mendirikan rumah di atas air di kawasan Teluk Brunei.

Orang-orang Tutong mendirikan rumah mereka di kuala Sungai Tutong. Bagi orang-orang Bisaya, Dusun, Murut, dan Belait pula mereka membina rumah-rumah di kawasan pedalaman.

Dipetik dan diubah suai daripada buku Sejarah Bagi Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam; Bersama Belajar Sejarah Kita, Darjah 4, Jabatan Perkembangan Kurikulum 2002.

CATATAN PENDUDUK BRUNEI AWAL



Kediaman penduduk Brunei awal:

- Orang Brunei: Mereka mendirikan rumah di atas _____ di kawasan Teluk Brunei.

- Orang Tutong: Mereka mendirikan rumah mereka di kuala _____
Tutong.

- Orang Bisaya, Dusun, Murut, Belait: _____
Mereka membina rumah-rumah di kawasan _____

B. Pada pendapat kamu, mengapakah penduduk Brunei awal suka mendirikan rumah di kawasan tepi pantai dan tepi sungai?

B Mari Berfikir

Berikan alasan
yang meyakinkan.



Afina : Assalamualaikum, Zahrah.

Zahrah : Waalaikumsalam, Afina.

Afina : Saya dengar kamu akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Mewarna Bendera Kebangsaan sempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan sekolah kita. Benarkah, Zahrah?


Zahrah : Benar, Afina. Majlis sambutan itu akan diadakan tidak lama lagi. Kamu pula bagaimana? Acara apakah yang akan kamu sertai?

Afina : Saya akan menyertai Pertandingan Perbarisan Lalu antara kelas. Saya dan kawan-kawan sedang gigih berlatih sekarang.

Zahrah : Kalau begitu, baguslah.

Afina : Apakah yang sedang kamu teliti itu?

Zahrah : Saya sedang meneliti maklumat tentang bendera kebangsaan.





Mari Menyanyi Bersama saya.

Lagu "Allah Peliharakan Sultan".

Ya Allah lanjutkanlah Usia,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Adil berdaulat menaungi nusa,
Memimpin rakyat kekal bahagia,
Hidup sentosa Negara dan Sultan,
Ilahi selamatkan Brunei Darussalam...

Aktiviti 2

Bina dan tulis perkataan atau frasa dengan betul.



1. Bendera dan _____ terletak di bahagian atas Panji-panji Negara Brunei Darussalam.
2. Selepas itu terdapat lambang _____.
3. Lambang _____ terletak selepas tiang panji-panji .
4. Terdapat sepasang _____ atau _____ yang terletak di kiri dan kanan bulan sabit.
5. Perkataan 'Brunei Darussalam' dalam tulisan Jawi ditulis pada _____.

tangan

sayap

kimhap

skrol

payung

Bulan sabit